

**PERATURAN DAN SYARAF PERTUKARAN PERKHIDMATAN
PEGAWAI KERJA/PENOLONG PEGAWAI TADBIR KE DALAM
PERKHIDMATAN PEGAWAI EKSEKUTIF**

- | | |
|--|--|
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir yang dilantik secara tetap dan bertaraf Warga negara Malaysia adalah layak ditukar perkhidmatan mengikut taraf perkhidmatan mereka sekarang ke jawatan di dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif untuk mengisi jawatan tertentu secara tetap mengikut taraf mereka sekarang. 2. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir pada tarikh pertukaran perkhidmatan adalah diberi pilihan sendiri sama ada untuk bertukar perkhidmatan bagi mengisi jawatan yang setanding/setaraf di dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif atau kekal dalam perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir. <u>Pilihan sendiri adalah muktamad.</u> Mereka adalah diberi tempoh selama 30 hari untuk membuat pilihan sendiri ini mulai dari tarikh surat tawaran ini dan mereka yang tidak membuat apa-apa pilihan sendiri setelah tamat tempoh tersebut adalah dianggap tidak mahu memilih pertukaran perkhidmatan baru dan ingin kekal dalam perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir secara Khas Untuk Penyandang (KUP). 3. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir yang tidak memilih untuk menerima pertukaran perkhidmatan akan kekal dalam jawatan masing-masing secara KUP sehingga mereka meninggalkan perkhidmatan. | Pertukaran
Perkhidmatan
ke Dalam
Perkhidmatan
Pegawai
Eksekutif

Pilihan Sendiri

Pegawai Kerja/
Penolong Pegawai
Tadbir Yang Tidak
Memilih Tawaran
Pertukaran
Perkhidmatan |
|--|--|

4. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir yang menerima pertukaran perkhidmatan ini akan ditawarkan gred jawatan seperti berikut :-	Gred Jawatan Dan Tanggagaji Yang Akan Ditawarkan
4.1. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir, Tingkatan Biasa (B1) ke jawatan Pegawai Eksekutif, Tingkatan Biasa (B9);	
4.2. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir, Tingkatan Kanan (B4) ke jawatan Pegawai Eksekutif, Tingkatan Kanan (B3/B1) di atas tanggagaji B3; dan	
4.3. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir, Tingkatan Tinggi (B2) ke jawatan Pegawai Eksekutif, Tingkatan Kanan (B3/B1) di atas tanggagaji B1 dengan mengekalikan gelaran Tingkatan Tinggi secara KUP.	
5. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir yang menerima pertukaran perkhidmatan ini akan tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di dalam skim perkhidmatan Pegawai Eksekutif yang berkuatkuasa. Gelaran jawatan mereka jika perlu akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut.	Penaklukan di Bawah Syarat-Syarat Dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Baru
6. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir yang menerima pertukaran perkhidmatan ini akan diberi matagaji yang sama atau terdekat dan lebih tinggi dari matagaji yang mereka terima semasa berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir. Tarikh kenaikan gaji mereka adalah tidak berubah kecuali di dalam keadaan di mana dua atau lebih matagaji di atas tanggagaji sekarang berpindah kepada satu matagaji di dalam tanggagaji yang baru. Mereka yang berada pada matagaji maksima di atas tanggagaji dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir selama satu	Gaji dan Tarikh Kenaikan Gaji

tahun atau lebih pada tarikh kuatkuasa pertukaran perkhidmatan, tarikh kenaikan gaji mereka adalah ditetapkan pada 1 hari bulan bulan yang berikutnya dengan tarikh kuatkuasa pertukaran perkhidmatan ini.

1. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir yang telah disahkan dalam perkhidmatan mereka sebelum tarikh pertukaran perkhidmatan ini, adalah dianggap sebagai telah disahkan dalam Perkhidmatan Pegawai Eksekutif.

2. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir yang belum disahkan dalam perkhidmatannya pada tarikh pertukaran perkhidmatan ini tetapi :-

(a) telah menamatkan tempoh percubaan yang disyaratkan dengan menuaskan, telah menenuhi syarat-syarat bagi pengesahan dalam perkhidmatan sekarang dan diperakuan oleh Ketua Jabatan adalah layak dipertimbangkan untuk disahkan dalam perkhidmatan yang baru; atau

(b) belum menyempurnakan tempoh percubaan dengan sepenuhnya dan belum menenuhi syarat-syarat untuk pengesahan dalam perkhidmatan sekarang adalah dikehendaki terus berkhidmat dalam baki tempoh percubaan mereka dan menenuhi syarat-syarat untuk pengesahan dalam perkhidmatan sebelum layak dipertimbangkan untuk disahkan dalam perkhidmatan.

Kekananan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir Tingkatan Biasa, Tingkatan Kanan dan Tingkatan Tinggi dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah bermula pada tarikh pertukaran perkhidmatan ini. Susunan kekananan dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah mengikut susunan kekananan dalam perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir.

Pegawai Yang Telah Disahkan Dalam Perkhidmatan

Pegawai Yang Belum Disahkan Dalam Perkhidmatan

Kekananan

10. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir yang menerima pertukaran perkhidmatan yang dilantik ke dalam perjawatan tetap dan juga telah disahkan dalam perkhidmatan tetapi belum diberi taraf berpencen sebelum ditukar perkhidmatan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah dikehendaki menggenapkan tempoh perkhidmatan selama tidak kurang dari 10 tahun tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira sebelum layak diberikan taraf berpencen dan adalah dikekalkan membuat caruman ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehingga diberikan taraf berpencen. Tempoh perkhidmatan pegawai berkenaan di dalam perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir akan diambilkira bagi maksud pencen tertakluk kepada peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.
11. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan diberikan taraf berpencen sebelum ditukarkan perkhidmatan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah dikekalkan taraf berpencen mereka. Perkhidmatan yang lepas sebelum pertukaran perkhidmatan ini akan diambilkira bagi maksud pencen tertakluk kepada peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.
12. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir yang menerima pertukaran perkhidmatan ini adalah dikehendaki berkhidmat di mana-mana tempat atau dalam mana-mana Jabatan sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan.
3. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir yang menerima pertukaran perkhidmatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perkhidmatan, Arahan Perbendaharaan, Peraturan Kewangan, pekeliling-pekeliling dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa pada masa ini dan yang dipinda atau dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- Kemasukan ke Dalam
Perkhidmatan
Berpencen
- Perkhidmatan Bagi
Maksud Faedah
Persaraan
- Pertukaran Sewaktu
Berkhidmat Dalam
Perkhidmatan
Pegawai Eksekutif
- Menatuhi
Peraturan-
Peraturan
Dan Iain-lain

14. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir yang menerima pertukaran perkhidmatan tidak akan dikenakan pemeriksaan perubatan dan peraturan-peraturan lain perlantikan baru dengan syarat mereka telah menjalani pemeriksaan perubatan dalam perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir.	Pemeriksaan Perubatan Dikecualikan
15. Ketua Perkhidmatan bagi perkhidmatan Pegawai Eksekutif ialah Ketua agensi masing-masing.	Ketua Perkhidmatan
16. Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir yang menerima pertukaran perkhidmatan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah dengan itu juga putus hubungan dengan perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir.	Syarat-syarat Lain
17. Pertukaran perkhidmatan ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif ini adalah berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.	Tarikh Kuatkuasa Pertukaran Perkhidmatan
18. Pertimbangan pertukaran perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir ke dalam perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah berasaskan maklumat-maklumat yang diberi adalah betul dan tepat. Jika ada maklumat yang telah diberi tidak betul atau tidak tepat akan membatalkan syarat tawaran ini dan mereka kekal dalam perkhidmatan Pegawai Kerja/Penolong Pegawai Tadbir secara KUP.	Pemberian Maklumat Yang Tidak Betul